

**PENGUMUMAN: PEMAKLUMAN BERHUBUNG SYARAT BAHARU
PENGIMPORTAN GULA PUTIH BERTAPIS TERMASUK GULA BERTAPIS YANG
DINAMAKAN SEBAGAI GULA KRISTAL DAN GULA PUTIH**

Tarikh kuat kuasa: 15 April 2026.

Pengimportan gula bertapis yang dinamakan gula putih atau gula kristal serta apa-apa nama dengan variasi nama tersebut (seperti gula putih, gula bertapis, *white sugar*, *white refined*, refined sugar, gula putih kasar, gula putih halus, gula kristal, gula putih kristal, gula kristal putih, *crystal sugar*, *crystal white sugar* dan *white crystal sugar*).

Syarat:

1. Hendaklah mempunyai kandungan sukrosa sekurang-kurangnya 99.5% selaras dengan keperluan pematuhan kepada Akta Makanan 1983, Peraturan 118, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
2. Permohonan permit import perlu disertakan bersama sijil analisa (*Certificate of Analysis* - COA) daripada pengeluar atau makmal bertauliah. Sekiranya COA tersebut tidak menyatakan tempoh sah laku, maka syarikat perlu mengemukakan COA dengan tarikh yang tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh permohonan permit import dikemukakan. Sebagai contoh, sekiranya permohonan dikemukakan pada 1 Mei 2026, tarikh COA paling awal yang diterima adalah 1 Mei 2025. Sebarang COA yang bertarikh sebelum tempoh tersebut (Contoh: April 2025 atau sebelumnya) tidak akan diterima bagi tujuan pemprosesan permit import.
3. Permohonan permit import perlu disertakan surat pengesahan kod tarif yang baharu daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Surat pengesahan tersebut mestilah bertarikh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh permohonan.
4. Proses Permohonan permit import: Permohonan secara bertulis melalui surat kepada KPDN Putrajaya untuk kelulusan kuota *approved permit* (AP) dan seterusnya permohonan permit secara atas talian melalui sistem ePermit.
5. Bagi tempoh interim, iaitu dari 5 Februari 2026 sehingga 14 April 2026, permohonan permit import baharu bagi gula kristal dan gula putih hanya akan diproses setelah syarikat mengisytiharkan kepada KPDN baki stok semasa serta membuktikan keseluruhan kuota terdahulu telah dibawa masuk sepenuhnya. Bagi pemohon baharu, pertimbangan hanya diberikan untuk permohonan pertama, manakala permohonan seterusnya tertakluk kepada syarat pengisytiharan baki kepada KPDN dan pembuktian kemasukan kelulusan sebelumnya.

Bahagian Kawal Selia Barang Kawalan,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

**ANNOUNCEMENT: NOTICE REGARDING NEW REQUIREMENTS FOR THE
IMPORTATION OF REFINED WHITE SUGAR INCLUDING REFINED SUGAR
LABELLED AS CRYSTAL SUGAR AND WHITE SUGAR**

Effective Date: 15 April 2026

Importation of refined white sugar, including refined sugar designated as white sugar or crystal sugar, as well as any variations of these names (such as white sugar, refined sugar, white refined, white coarse sugar, white fine sugar, crystal sugar, white crystal sugar, and crystal white sugar).

Requirements:

1. The sugar must have a sucrose content of at least 99.5%, in accordance with Regulation 118 of the Food Regulations 1985 under the Food Act 1983.
2. Import permit applications must include Certificate of Analysis (COA) from the manufacturer or an accredited laboratory. If the COA does not specify a validity period, the company must submit a COA dated within twelve (12) months from the date of the permit application. *Example: If an application is submitted on 1 May 2026, the earliest acceptable COA date is 1 May 2025. Any COA dated prior to this (e.g., April 2025 or earlier) will not be accepted for processing.*
3. Applications must include a new tariff code confirmation letter from the Royal Malaysian Customs Department. This letter must be dated within 12 months of the application date.
4. Application Process: Submit a formal written application to BSB, KPDN Putrajaya for Approved Permit (AP) quota approval. Subsequently, submit the permit application online through the ePermit system.
5. Interim Period (5 February 2026 – 14 April 2026):
 - o New import permit : Applications for crystal sugar and white sugar will only be processed once the company declares its current stock balance to KPDN and provides proof that the entire previous quota has been fully imported.
 - o For New Applicants: Consideration will only be granted for the initial application. Subsequent applications are subject to the stock declaration requirement and proof of entry for previously approved quotas.

Regulatory Division for Controlled Goods,
Ministry of Domestic Trade and Cost of Living